

06/09/1997

Elak bincang isu remeh

MASYARAKAT Islam perlu mengambil iktibar daripada ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan memberi penekanan terhadap agama secara global dan bukannya kepada perkara remeh-temeh.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Suhaimi Ibrahim ketika memberikan reaksinya terhadap ucapan presiden Umno itu, berkata penekanan terhadap perkara yang lebih menyeluruh itu akan dapat mengatasi pelbagai masalah yang wujud daripada agama.

"Perdana Menteri cuba memperbetulkan tanggapan umat Islam, terutama ahli Umno supaya mereka tidak melihat sesuatu isu dalam agama itu sebagai menakutkan atau berbentuk menghukum.

"Sebaliknya, apa yang cuba diterapkan oleh Dr Mahathir ialah usaha untuk mewujudkan kesederhanaan dalam kehidupan," katanya.

(END)